



#MajuTerusPahang

#Pahang1<sup>st</sup>

Ruj : Bil ( 35 ) dlm.KUIP (P) 2/250 JLD 9  
Tarikh : 2 September 2022 /5 Safar 1444H

## GRADUAN SESI 2019, 2020 DAN 2021

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Saudara/saudari,

### JEMPUTAN KE ISTIADAT KONVOKESYEN KE-19 UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)

Didoakan semoga saudara/saudari sentiasa sihat walafiat, selamat serta dilindungi Allah SWT hendakNya. Pihak UnIPSAS merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas kejayaan saudara/i menamatkan pengajian di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) serta layak dianugerahkan diploma/ijazah sempena Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS.

2. Sehubungan dengan itu, saudara/i dan **DUA (2) orang ahli keluarga** dijemput untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen ke-19 UnIPSAS pada ketetapan berikut:

#### Sidang 1

Tarikh/Hari : 6 Oktober 2022 (Khamis)  
Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah  
Masa : 7.00 Pagi

#### Sidang 2

Tarikh/Hari : 7 Oktober 2022 (Jumaat)  
Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah  
Masa : 7.00 Pagi

3. Saudara/i juga dijemput untuk menghadiri **Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen ke-19 UnIPSAS** pada:

Tarikh : 5 Oktober 2022 (Rabu)  
Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan  
Masa : 2.00 Petang



4. Saudara/i dikehendaki memuat turun borang-borang dan maklumat berkaitan dengan Istiadat Konvokesyen melalui pautan <https://unipsas.edu.my/> dan mengesahkan kehadiran di pautan berikut sebelum **10 September 2022, jam 2.00 petang**:

<https://plu.sh/pengesahankehadirangraduan2022>


5. Saudara/i yang masih mempunyai tunggakan hutang dikehendaki menjelaskan hutang tersebut sebelum **30 September 2022**. Kegagalan menjelaskan hutang akan menyebabkan saudara/i **TIDAK LAYAK** untuk bergraduat. Semakan baki hutang boleh dibuat di Unit Kewangan, UnIPSAS di talian 09-553 5555. Kerjasama saudara/i untuk mematuhi syarat-syarat di atas amat dihargai.

6. Sekalung tahniah diucapkan kepada saudara/i di atas kejayaan dan kecemerlangan dalam menamatkan pengajian di UnIPSAS. Saya mendoakan agar semuanya terus mencapai kecemerlangan dalam kehidupan di dunia dan akhirat serta bermanfaat kepada masyarakat.

Sekian. *Wassalam.*

**“TAKAMUL TARBIAH TAJDID”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. MADYA DATO' DR. HAJI MOHD ZAWAVI BIN ZAINAL ABIDIN,  
DSAP., SMP., AMP.)**

Naib Canselor

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah